

Kerjasama k'jaan, ibu bapa, pendidik untuk kejayaan sistem pendidikan

Pendidikan terus menjadi keutamaan negara, hubungan mantap semua pihak penting

KUALA LUMPUR: Kejayaan sistem pendidikan negara tidak hanya bergantung kepada dasar dan peruntukan, sebaliknya memerlukan kerjasama erat antara kerajaan, ibu bapa dan warga pendidik, kata Perdana Menteri Datuk Seri Anwar Ibrahim.

Beliau menegaskan pendidikan terus menjadi keutamaan negara, dan hubungan mantap antara semua pihak penting untuk memastikan anak-anak menerima sokongan menyeluruh, sama ada di sekolah mahupun di rumah.

“Dengan memastikan pendidikan berkualiti berteraskan nilai dan kemanusiaan, kita mampu melahirkan generasi berilmu, berakhlak, serta bersedia menghadapi cabaran dengan

semangat dan keyakinan,” katanya menerusi hantaran di Facebook semalam.

Dalam hantaran sama, Anwar berkongsi lawatannya bersama isteri, Datuk Seri Dr Wan Azizah Wan Ismail, ke Sekolah Kebangsaan Sungai Besi serta Sekolah Jenis Kebangsaan Cina Kwong Hon dan Sungai Besi, bagi memantau pengedaran Bantuan Awal Persekolahan (BAP).

Beliau berkata, BAP adalah inisiatif penting kerajaan untuk meringankan beban ibu bapa dalam membuat persiapan persekolahan anak-anak.

Perdana Menteri berkata, lawatan itu turut memberi peluang menyantuni murid-murid yang baru melangkah ke alam persekolahan.

“Melihat keterujaan mereka mengingatkan kita



TURUN PADANG: Anwar dan Wan Azizah berkunjung ke SK Sg Besi, SJKC Kwong Hon dan SJKT Sg Besi di Kuala Lumpur, semalam bagi memantau pengedaran Bantuan Awal Persekolahan, yang merupakan inisiatif penting untuk meringankan beban ibu bapa membuat persiapan awal persekolahan anak-anak. — Gambar Bernama

“Sekolah, selain tempat menimba ilmu, adalah ruang awal dalam pembentukan sahsiah, disiplin dan jati diri.”

Datuk Seri Anwar Ibrahim
Perdana Menteri

bahawa setiap anak tidak hanya menggendong harapan menggunung ibu bapa, tetapi turut memikul keyakinan para guru dan cita besar masa depan negara.

“Sekolah, selain tempat menimba ilmu, adalah ruang awal dalam pembentukan sahsiah, disiplin dan jati diri,”

katanya.

Bermula tahun ini, kalendar akademik bagi Sekolah Kebangsaan dan Sekolah Bantuan Kerajaan kembali pada Januari, susulan peralihan sejak 2022 akibat pandemik COVID-19.

Sesi persekolahan bagi Kumpulan B iaitu di Johor,

Melaka, Negeri Sembilan, Pahang, Perak, Perlis, Pulau Pinang, Sabah, Sarawak, Selangor, Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur, Labuan dan Putrajaya bermula semalam, manakala Kumpulan A iaitu Kedah, Kelantan dan Terengganu bermula kelmarin. — Bernama